# Catat prestasi suku tertinggi

HUAYANG

PEMAJU hartanah, Hua Yang Bhd, mencatat keputusan suku tertinggi sejak penyenaraiannya pada 2002, dengan perolehan berjumlah RM76,128 juta dan keuntungan sebelum cukai RM18,888 juta bagi kewangan suku keduanya berakhir 30 September 2011.

"Keputusan yang kukuh itu hasil daripada jualan yang lebih baik bagi fasa dalam pembangunan, dengan margin keuntungan yang lebih baik dan kemajuan pembinaan yang baik," kata sayarikat itu dalam satu kenyataan.

Ketua Pegawai Kewangannya, May Chan berkata, berdasarkan keputusan setakat ini bagi tahun kewangan semasa, syarikat itu berada pada kedudukan yang baik untuk merealisasi sasaran mencatat jualan tahunan RM350 juta.

HUAYANG

Sinar Harian 21 October 2011